

SULIT



**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2021/2022**

Julai/Ogos 2022

HSI343 – Sejarah Asia Barat

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan daripada Bahagian A dan **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B.

- 2 -

Bahagian A

1. **Jelaskan** prinsip-prinsip Kemalisme yang diperkenalkan oleh Presiden Mustafa Kemal Atatürk sejak tahun 1923 telah berjaya menghapuskan tradisi authoritarianisme di Turki sehingga tahun 1938?

[100 markah]

2. **Kaitkan** kesan kegagalan proses damai Asia Barat yang komprehensif selepas Perang Arab Israel pada Jun 1967, khususnya kelemahan Resolusi 242 PBB dengan peristiwa Perang Yom Kippur pada Oktober 1973.

[100 markah]

3. Berdasarkan penilaian anda, **tunjukkan** peranan penting yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh politik Britain seperti Datuk Bandar London, Sir David Salomons (1797 – 1873) dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Palestin yang pertama, Sir Herbert Samuel [1920-1925] dalam proses penubuhan Israel sejak Perang Dunia Pertama.

[100 markah]

4. **Bandingkan** peranan golongan *mallāk* (tuan tanah) yang mengakibatkan berlakunya kudeta tentera di Iraq pada tahun 1958 dengan peranan komuniti *zuama* (tuan tanah) dalam konflik politik di Lubnan sejak tahun 1943.

[100 markah]

- 3 -

Bahagian B

5. **Analisiskan** hubung kait perjanjian minyak Britain-Iran pada tahun 1919 dengan tindakan pemilikan negaraan syarikat Anglo Iranian Oil Company (AIOC) oleh Perdana Menteri Mohammed Mosaddegh pada Mac 1951.

[100 markah]

6. "Individu akan mempunyai personaliti yang tulen hanya apabila dia mewakili budayanya." [Ziya Golkap , Bapa Turkisme, 1875-1924]

Merujuk pernyataan di atas, **bandingkan** secara kritis pengaruh budaya etnik terhadap perkembangan nasionalisme Arab dengan nasionalisme Turki dalam Empayar Turki-Uthmaniyyah menjelang Perang Dunia Pertama.

[100 markah]

7. **Analisiskan** pengaruh sekularisme Barat dalam proses *Tanzimat* yang dimulakan oleh Sultan Abdulmejid I melalui Piagam *Hatt-i-Syarif Gulhane* pada tahun 1839.

[100 markah]

8. **Periksa** dengan teliti ketepatan pandangan ahli sejarah bahawa reformasi ekonomi yang dilaksanakan oleh Muhamad Ali Pasha hanyalah sekadar memindahkan monopoli ekonomi daripada golongan *multazim* dan *tujjar* tradisional kepada monopoli kerajaan yang dikuasai oleh kroni beliau seperti keluarga Tosizza dan Anastasi dari Greek.

[100 markah]

- oooOooo -